




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA


PERANGKAAN DEMOGRAFI, SUKU PERTAMA 2024







Perangkaan Demografi Mengikut Negeri, Suku Tahun Pertama 2024^P, Malaysia



- Selangor (21.6%), Johor (12.3%) dan Sabah (11.0%) merekodkan jumlah penduduk tertinggi pada suku tahun pertama 2024.
- Selangor merekodkan jumlah kelahiran hidup tertinggi dengan 19,951 kelahiran (18.8%) manakala Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan kelahiran terendah dengan 323 kelahiran (0.3%).
- Dari segi kematian, Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan 7,730 kematian (16.1%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan kematian paling rendah dengan 68 kematian (0.1%).

- Penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2024 dianggarkan 34.0 juta, meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (33.2 juta). Jumlah penduduk ini merangkumi 30.6 juta (90.0%) Warganegara dan 3.4 juta (10.0%) Bukan Warganegara. Penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta daripada 17.4 juta pada suku tahun pertama 2023 dan perempuan meningkat kepada 16.1 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh yang sama. Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk Warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan.
- Melayu menyumbang 57.9 peratus (17.7 juta) daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 17.6 juta). Penduduk Cina, India dan Bumiputera Lain kekal kepada 22.6 peratus, 6.6 peratus dan 12.2 peratus. Bumiputera Sabah merangkumi Kadazan/Dusun (2.1%), Bajau (1.8%), Murut (0.3%), manakala Bumiputera Sarawak merangkumi Iban (2.4%), Bidayuh (0.7%) dan Melanau (0.4%).
- Jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2024 menurun 9.4 peratus daripada 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023 kepada 106,386 kelahiran. Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 54,747 kelahiran berbanding 51,639 kelahiran bayi perempuan. Melayu menyumbang 68.8 peratus (73,136 kelahiran hidup) daripada jumlah kelahiran hidup pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 67.6%). Kelahiran hidup bagi Cina dan India masing-masing menurun kepada 8.8 peratus dan 3.7 peratus berbanding 9.7 peratus dan 4.3 peratus pada suku tahun pertama 2023. Manakala, Bumiputera Lain merekodkan peningkatan kepada 12.7 peratus pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 12.6%).
- Selangor mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi iaitu 19,951 kelahiran (18.8%) manakala jumlah kelahiran hidup terendah dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan (323 kelahiran: 0.3%). Umur ibu 30-39 tahun merekodkan kelahiran hidup tertinggi pada suku tahun pertama 2024 iaitu 55,864 (52.5%), diikuti oleh ibu berumur 20-29 tahun (40.0%), 40 tahun dan lebih (6.0%) dan kurang daripada 20 tahun (1.5%).
- Sejumlah 47,964 kematian telah direkodkan pada suku tahun pertama 2024, penurunan 1.5 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (48,693 kematian). Bilangan kematian bagi lelaki adalah 27,434 manakala 20,530 kematian bagi perempuan. Pada suku tahun pertama 2024, Melayu menyumbang 51.4 peratus (24,667 kematian) daripada jumlah kematian (ST1 2023: 51.9%). Kematian bagi Cina meningkat kepada 27.0 peratus pada suku tahun pertama 2024 berbanding 26.1 peratus pada suku tahun pertama 2023. Sementara itu, jumlah kematian bagi India kekal tidak berubah pada 8.5 peratus, manakala kematian bagi Bumiputera Lain menurun kepada 10.4 peratus pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 10.8%).
- Selangor mencatatkan bilangan kematian tertinggi iaitu 7,730 kematian (16.1%) manakala Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan bilangan kematian terendah dengan 68 kematian (0.1%). Kumpulan umur 60 tahun dan lebih merekodkan bilangan kematian tertinggi iaitu 34,067 kematian (71.0%), diikuti oleh umur 41-59 tahun (19.8%), umur 15-40 tahun (7.0%) dan umur 0-14 tahun (2.2%).

Pegawai dihubungi:

Baharudin Mohamad

Pegawai Perhubungan Awam
Bahagian Komunikasi Strategik dan Antarabangsa
Jabatan Perangkaan Malaysia
Tel : +603-8090 4681
Faks : +603-8888 9248
Emel : baharudin[at]dosm.gov.my

Hak Cipta ©2026 Portal Rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Hak cipta terpelihara.